

MAHATHIR-UMNO
(1)

1984

SUBANG, 24 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU TERPAKSA MENGAJAI DAHULU PERLEMBAGAAN UMNO SEBELUM MENUTUSKAN TENTANG KES DUA KETUA YANG DIPILIH MENGETUAI UMNO BAHAGIAN KUALA PILAH.

SAYA AKAN BERUNDING DENGAN PAKAR-PAKAR PERLEMBAGAAN UMNO DULU+, KATANYA SEMASA MENGULAS SAMADA SAH ATAU TIDAK PEMILIHAN BAHAGIAN TERSEBUT.

PADA HARI AHAD LALU, Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Kuala Pilah, Datuk Idris Matsil, mengisytiharkan bekas Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Mansor Othman dan Anggota Exco Negeri, Dr. Ramli Ujang, menjadi ketua bersama bahagian itu setelah masing-masing memperoleh 168 undi.

Tetapi setiausaha kerja UMNO, Encik Kamarulzaman Bahadun berkata pemilihan itu tidak sah kerana tidak ada bahagian yang boleh mempunyai dua ketua.

Beliau menyebut cerai 41 (2) mengenai peraturan perhimpunan Agung UMNO, perwakilan bahagian dan mesyuarat cawangan, yang menyatakan dalam pemilihan anggota-anggota jawatankuasa bahagian, sekiranya ada dua calon yang mendapat undi yang sama, satu lagi pemilihan hendaklah diadakan dan jika keputusannya juga sama, pengundian hendaklah dijalankan. --LAGI 1636/AN
MAHATHIR-UMNO 2 SUBANG

Mengenai campurtangan bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, untuk menjadi orang tengah dalam krisis MCA sekarang, Perdana Menteri Enggan mengulas sambil menyatakan perkara ini adalah urusan parti itu sendiri.

Beliau juga enggan bercakap samada beliau telah mengirinkan Datuk Lee berusaha menyelesaikan krisis MCA itu.

Datuk Lee mendakwa Perdana Menteri telah menyetujui permintaannya untuk bersara lebih setahun lalu, dengan syarat beliau akan kembali kepada kerajaan bila-bila masa beliau diperlukan oleh Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga enggan mengulas tentang pengumuman pucuk pimpinan MCA baru-baru hendak menubuhkan tabung pelajaran untuk pelajar-pelajar sekolah China.

+PERKARA ITU DICADANGKAN OLEH DATUK DR. NEO (PEMANGKU PRESIDEN) ENAM BULAN LALU DAN SEKARANG IA TELAH DILAKSANAKAN, APA LAGI YANG HENDAK SAYA KATAKAN+, TAMBAH PERDANA MENTERI.

--BERNAMA 1637/AN